

PERLEMBAGAAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN SURAU MUHIBBAH & KG.SRI JAMBU

E-KHAIRAT

<https://www.e-khairat.com/muhibbah/home>

SURAU TAMAN MUHIBBAH

JALAN MUHIBBAH

TAMAN MUHIBBAH

43000 KAJANG

SELANGOR

018-960 5702



ISI KANDUNGAN		PERKARA	MUKA SURAT
FASAL			
1	NAMA		1
2	TAFSIRAN		1
3	ALAMAT DAN TEMPAT MESYUARAT		1
4	OBJEKTIF		1
5	KEAHLIAN		2
6	KADAR BAYARAN		3
7	JUMLAH MANFAAT TABUNG		3
8	SYARAT-SYARAT TUNTUTAN		3
9	PROSEDUR TUNTUTAN		3
10	KEWANGAN		4
11	PENTADBIRAN		4
12	LAIN-LAIN PERKARA		4
	LAMPIRAN A		

- A. **FASAL 1** **NAMA**
1.1 Tabung ini ialah Tabung Khairat Kematian Surau Muhibbah @ TKKSM (ringkasan).
- B. **FASAL 2** **TAFSIRAN**
2.1 Biro Khairat Kematian (TKKSM) Surau Muhibbah berperanan menguruskan tabung khairat kematian.

2.2 Jawatankuasa Surau Muhibbah (AJK Surau) berperanan sebagai jawatankuasa induk dalam sebarang keputusan tabung.

2.3 Peserta yang berdaftar disebut sebagai Ahli.

2.4 Keluarga yang berdaftar disebut sebagai Ahli yang dilindungi.
- C. **FASAL 3** **ALAMAT**
3.1 Alamat Tabung Khairat TKKSM ialah :-

***SURAU TAMAN MUHIBBAH
JALAN MUHIBBAH
TAMAN MUHIBBAH
43000 KAJANG, SELANGOR.***
- D. **FASAL 4** **OBJEKTIF**
4.1 Tabung Khairat diwujudkan bertujuan membantu dan menampung keperluan kewangan Ahli dalam pengurusan jenazah. Selain itu, dana tersebut juga boleh digunakan sebagai sumbangan jariah untuk aktiviti kebajikan Surau Taman Muhibbah.

E. FASAL 5 KEAHLIAN

Keahlian terbuka kepada:

- 5.1 Ahli Biasa iaitu mereka yang tinggal tetap atau penyewa di Taman Muhibbah dan Kg.Sri Jambu
- 5.2 Ahli Bersekutu iaitu mereka yang merupakan mantan ahli yang telah berpindah keluar daripada Taman Muhibbah/Kg. Sri Jambu namun masih berminat untuk menjadi ahli.
- Keahlian juga terbuka kepada penduduk sekitar kawasan Taman Muhibbah atau di mana sahaja di Mukim Kajang atau kawasan lain yang tidak dinyatakan yang berminat untuk turut serta dan menerima manfaat yang sama seperti Ahli Biasa.
- 5.3
- 5.4 Senarai Ahli yang dilindungi dibawah satu pemohon (tanggungan) adalah seperti berikut:
- 1. Pemohon (Ahli).**
 - 2. Suami atau isteri.**
 - 3. Anak kandung yang belum berkahwin, berumur bawah 21 tahun.**
Jika masih belajar sehingga umur 23 tahun.
 - 4. Anak angkat yang sah dari segi undang-undang, belum berkahwin, berumur bawah 21 tahun.**Jika masih belajar sehingga umur 23 tahun.
 - 5. Anak OKU, tiada had umur ditetapkan selagi belum berkahwin.**
 - 6. Anak tiri yang belum berkahwin, berumur bawah 21 tahun.**
Jika masih belajar sehingga umur 23 tahun.
- Senarai Ahli yang perlu daftar berasingan (tidak boleh dijadikan tanggungan) adalah seperti berikut:
- 1. Anak kandung, anak angkat atau anak tiri yang telah mencapai umur 21 tahun, walaupun masih tinggal bersama-sama.**
 - 2. Anak yang telah berkahwin, sama ada tinggal bersama atau tidak.**
 - 3. Adik-beradik sama ada tinggal bersama atau tidak.**
 - 4. Cucu sama ada tinggal bersama atau tidak.**
 - 5. Ibu bapa kandung atau mertua, sama ada tinggal bersama atau tidak.**
 - 6. Isteri kedua dan seterusnya. Perlu pendaftaran berasingan.**
Kecuali jika yang tinggal bersama.
- 5.5 Bagi Ahli Bersekutu manfaat terhad kepada Ahli keluarga sendiri sahaja.
- 5.6 Mana-mana individu selain daripada yang disenaraikan sebagai tanggungan TIDAK layak menerima manfaat tanpa pendaftaran sebagai ahli baharu secara individu.
- 5.7 Kaedah permohonan keahlian adalah secara atas talian menerusi pautan <https://www.e-khairat.com/muhibbah/home>
- 5.8 Ahli yang telah berpindah keluar dari taman kekal aktif sehingga 31 Disember pada tahun semasa dan sekiranya mantan masih berminat untuk membuat sumbangan, beliau akan menjadi Ahli Bersekutu.
- 5.9 Tempoh keahlian adalah bermula 1 Januari hingga 31 Disember dalam tahun yang sama.
- 5.10 Status keahlian semasa akan luput secara automatik selepas 31 Disember setiap tahun.
- 5.11 AJK Surau mempunyai kuasa untuk menerima atau menolak sesuatu permohonan untuk menjadi Ahli atas alasan yang munasabah.
- 5.12 Status ahli akan disemak setiap tahun dan ahli perlu mengemaskini maklumat sekiranya terdapat perubahan dalam tanggungan atau isi rumah.
- 5.13 Ahli yang bertindak dengan apa-apa cara sehingga boleh mendatangkan nama buruk atau kerugian kepada surau dan tabung khairat, boleh digugurkan daripada menjadi Ahli oleh TKKSM. Walau bagaimanapun Ahli yang tidak berpuas hati boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada AJK Surau dalam masa 14 hari.

F. FASAL 6 KADAR SUMBANGAN AHLI

- 6.1 Kadar **Yuran Tahunan** keahlian ialah sebanyak **RM50.00** sekeluarga (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja).
- 6.2 Yuran **PENDAFTARAN AHLI BARU** adalah sebanyak **RM30.00** (Ringgit Malaysia : Tiga Puluh Sahaja).
- 6.3 Kaedah Pembayaran Yuran keahlian;
- Pembayaran yuran dibuat secara online banking ke akaun **Bank Islam : 1209 2010 0102 55** atas nama Tabung Khairat Kematian Surau Muhibbah dan bukti bayaran perlu dihantar kepada Admin TKKSM atau melalui Sistem E-Khairat (<https://www.e-khairat.com/muhibbah/home>)
- 6.4 AJK Surau mempunyai kuasa untuk menyemak semula kadar yuran tahunan yang diputuskan dalam Mesyuarat Tabung Khairat.

G. FASAL 7 MANFAAT TABUNG

- 7.1 Kadar manfaat kematian yang layak dibayar kepada ahli, pasangan dan tanggungan yang sah adalah sebanyak **RM1,300.00** (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Tiga Ratus sahaja) bagi setiap kematian.
- 7.2 Jumlah manfaat ini ditetapkan berdasarkan rujukan harga pasaran semasa bagi kos pengurusan jenazah.
- 7.3 Kadar manfaat ini tertakluk kepada semakan dan kelulusan Mesyuarat AJK dari semasa ke semasa, bergantung kepada kos semasa dan kedudukan kewangan tabung.
- 7.4 Manfaat akan dibayar penuh kepada penama atau waris yang sah mengikut prosedur tuntutan seperti yang dinyatakan dalam *Fasal 9*.

H. FASAL 8 SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

- 8.1 Tuntutan manfaat hanya layak dibuat sekiranya:
- a. Kematian melibatkan ahli, pasangan atau tanggungan yang telah didaftarkan secara sah;
 - b. Keahlian masih aktif dan tidak mempunyai tunggakan bayaran;
 - c. Permohonan tuntutan disertakan dokumen sokongan yang lengkap dan sah.
- 8.2 Sekiranya kematian melibatkan ahli, manfaat akan dibayar kepada waris terdekat yang sah.
- 8.3 Sekiranya kematian melibatkan pasangan atau tanggungan, manfaat akan dibayar kepada ahli yang berdaftar.
- 8.4 Jawatankuasa Khairat berhak menolak atau menangguhkan bayaran tuntutan sekiranya terdapat keraguan, maklumat tidak lengkap atau pelanggaran terhadap mana-mana peraturan tabung.

I. FASAL 9 PROSEDUR TUNTUTAN

- 9.1 Peserta hendaklah melengkapkan borang tuntutan (Lampiran A) dan menyertakan dokumen sokongan berikut:
- 1. Sijil kematian.
 - 2. Salinan kad pengenalan waris.
- 9.2 Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh (3) bulan dari tarikh kematian yang tertera pada Sijil Kematian (tidak diuruskan oleh BKKK).
- 9.3 Borang Tuntutan (Lampiran A) perlu diserahkan kepada TKKSM
- 9.4 Tuntutan akan dibayar terus ke dalam akaun waris yang didaftarkan.
- 9.5 Sebarang tuntutan berpandukan sijil kematian bagi menentukan jumlah manfaat.

J. FASAL 10 KEWANGAN

- 10.1 Dana yang terkumpul akan disimpan di dalam akaun Bank Islam Surau Taman Muhibbah.
- 10.2 Pengeluaran:
Tiga (3) penama dilantik sebagai pemegang akaun ialah Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha Surau Muhibbah.
- 10.3 Semua pengeluaran wang tunai / cek perlu ditandatangani oleh dua (2) orang daripada (3) penama-penama di para 10.2.
- 10.4 Semua pengeluaran hanya boleh dibuat bagi tujuan pembayaran manfaat kepada ahli seperti mana Fasal 7.
- 10.5 Pengeluaran selain daripada tujuan bagi Fasal 7, perlulah mendapat persetujuan di dalam mesyuarat AJK Khairat Kematian
- 10.6 Peruntukan sebanyak RM1,300.00 kepada TKKSM sebagai peti tunai.

K. FASAL 11 PENTADBIRAN

- 11.1 Badan yang menguruskan perjalanan tabung khairat ini ialah TKKSM Surau Taman Muhibbah yang dikawal selia sepenuhnya oleh Jawatankuasa Surau Muhibbah.
- 11.2 TKKSM dalam mesyuaratnya boleh memberikan tafsiran terhadap Syarat dan Peraturan ini dan membuat keputusan tentang perkara perkara yang tidak terkandung di dalamnya. Keputusan mesyuarat tabung khairat adalah muktamad sehingga dipinda atau dibatalkan oleh Mesyuarat Agung Surau.
- 11.3 AJK Surau melalui Mesyuarat Agung berkuasa meminda atau membatalkan mana-mana keputusan mesyuarat Tabung Khairat yang mana pada pandangannya tidak sesuai, merugikan atau mengenyahkan kebajikan ahli.
- 11.4 Perlembagaan ini adalah tertakluk kepada perubahan yang difikirkan sesuai untuk kebajikan bersama atau sekiranya berlaku sesuatu diluar jangkaan atau kemampuan Tabung Khairat.

L. FASAL 12 LAIN-LAIN PERKARA

- 12.1 Ahli Tabung Khairat yang telah tamat tempoh tidak boleh menuntut apa-apa bayaran yang telah disumbangkan.
- 12.3 Kadar penggunaan Tabung Khairat untuk tujuan aktiviti Surau tersebut boleh ditentukan oleh AJK Surau dalam mesyuarat pada kadar tidak lebih dari 5% atau mana-mana jumlah yg boleh diputuskan atas persetujuan Jawatankuasa TKKSM sahaja

M.

LAMPIRAN A

BORANG TUNTUTAN TABUNG KHAIRAT KEMATIAN SURAU MUHIBBAH

() Diuruskan oleh TKKSM

() Diurus sendiri oleh waris

Maklumat Waris

Nama :	
Alamat :	
No K/P :	
No H/P :	

Maklumat Si Mati

Nama :	
No K/P :	
Hubungan :	

Dokumen wajib yang diperlukan :-

Sijil Kematian ()

Salinan K/P Waris ()

Pengakuan pemohon (waris)

Saya _____ No K/P : _____
dengan ini mengaku bahawa maklumat di atas dan dokumen yang diberikan adalah benar.

Tanda tangan pemohon :-

Tarikh :- _____

KEGUNAAN PEJABAT

Diuruskan oleh	
T/tangan	
Nama	
Tarikh	

Kelulusan : LULUS / TIDAK LULUS

Kadar bantuan :

Catatan :